

SULIT
1223/1
Pendidikan
Islam
Kertas 1
September
2006

1223/1



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2006**

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. **Bahagian A** mengandungi **40** soalan objektif yang diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D** serta soalan mengisi tempat kosong. Jawab semua soalan pada kertas jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
3. **Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. **Soalan 1 dan soalan 2 wajib** dijawab dan pilih mana-mana **satu** soalan berikutnya. Kesemua **tiga** soalan wajib dijawab. Semua jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan.
4. *Ceraikan jawapan Bahagian A dan ikatkan bersama-sama dengan kertas jawapan Bahagian B.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak

Bahagian A
[40 markah]

Soalan 1 hingga **Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Bulatkan jawapan yang tepat dalam lampiran kertas yang disediakan.

1. Manakah antara berikut hukuman terhadap kesalahan qazaf.
A. 40 kali sebatan.
B. 60 kali sebatan.
C. 80 kali sebatan.
D. 100 kali sebatan.

En Ahmad tidak dapat melaksanakan ibadah haji pada tahun ini kerana diserang penyakit lumpuh lalu meminta sahabatnya melakukan ibadah tersebut bagi pihaknya

2. Pernyataan di atas adalah berkaitan dengan
A. Nazar haji
B. Badal haji
C. Qadha haji
D. Kaifiat haji
3. Siapakah di antara tokoh berikut yang memasyhurkan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah?
I. Abu Mansur al-Maaturidi
II. Abu Hassan al-Asy'ari
III. Abu Musa al-Asy'ari
IV. Abu Hassan al-Basri
A. I dan II
B. II dan III
C. I dan IV
D. III dan IV
4. Berapakah usia Usamah bin Zaid ketika mengetuai pasukan tentera ke Ghassan?
A. 15 tahun
B. 16 tahun
C. 17 tahun
D. 18 tahun

5. Berikut adalah hikmat insurans dalam Islam **kecuali**
- I. Peluang membaiki taraf ekonomi
 - II. Membantu pihak yang ditimpa musibah
 - III. Mendapatkan kemudahan perlindungan manfaat pampasan atau gantirugi
 - IV. Pemilik kenderaan merasa terjamin dengan sumber kewangan jika terlibat dalam kemalangan
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV
6. Manakah antara berikut benar mengenai mahar musamma
- A. Kadar mahar ditentukan oleh wali
 - B. Kadar mahar ditentukan berdasarkan kadar mahar saudara perempuan
 - C. Kadar mahar ditentukan berdasarkan persetujuan kedua-dua belah pihak
 - D. Kadar mahar ditentukan berdasarkan kadar mahar saudara perempuan sebelah lelaki
7. Pilih pernyataan yang betul mengenai adab-adab memberi hadiah dan sedekah
- I. Ikhlas
 - II. Memberi barang yang disayangi
 - III. Tidak mengungkit semula barang yang telah diberi
 - IV. Memberi barang yang kurang penting untuk dirinya
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV
8. Antara pernyataan berikut yang manakah menerangkan punca kejatuhan Kerajaan Abbasiyah
- I. Kelemahan pemerintahan Kerajaan Abbasiyah
 - II. Perpecahan wilayah-wilayah di bawah Kerajaan Abbasiyah
 - III. Pertambahan penduduk pelbagai kaum dari pelbagai negara
 - IV. Perselisihan aliran fahaman keagamaan
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV
9. Berikut merupakan adab-adab semasa berekreasi **kecuali**
- A. Menjaga pergaulan mengikut syariat
 - B. Mematuhi peraturan pihak berkuasa
 - C. Bertanggungjawab memelihara harta benda awam
 - D. Bebas melakukan aktiviti tanpa menghiraukan pengunjung lain

Dan janganlah kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati

Maksud ayat surah Hujurat ayat 13

10. Di antara berikut manakah akibat perbuatan mengumpat.
- I. Silaturrahim terputus
 - II. Hilang kewarasan akal
 - III. Dipandang hina oleh masyarakat
 - IV. Hidup menderita di dunia dan mendapat azab di akhirat
- A. I, II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV
11. Di antara berikut manakah hasil-hasil karya Hamka **kecuali**
- A. Fi Dzilalil Quran (Di Bawah Naungan Al-Quran)
 - B. Tenggelamnya Kapal Van Der Vijck
 - C. Di Bawah Lindungan Kaabah
 - D. Tafsir Al-Azhar
12. Siapakah yang telah mempengaruhi umat Islam supaya menentang Khalifah Uthman al-Affan
- A. Amru bin Al-As
 - B. Abdullah bin Saba'
 - C. Abu Musa al Asy'ari
 - D. Muawiyah bin Abu Sufyan
13. Manakah yang berikut orang yang mendapat kemanisan iman
- A. Melakukan amalan-amalan wajib sahaja
 - B. Menjadikan Al-Quran sebagai sumber kehidupan
 - C. Mempunyai ilmu pengetahuan tentang Allah dan Rasulnya
 - D. Benci kepada kekufuran sebagaimana benci dicampakkan ke dalam api neraka
14. Di antara berikut manakah amalan sunat yang perlu dilakukan oleh ibu bapa terhadap bayi yang baru lahir
- A. Ucapan tahniah daripada suami
 - B. Memastikan keselesaan dan keselamatan bayi
 - C. Menghebohkan kelahiran bayi kepada orang ramai
 - D. Memberi sedekah sekadar nilai emas atau perak yang sama berat dengan timbangan rambutnya

15. Di antara berikut peranan Kuttab pada zaman Khulafa Ar-Rasyidin
- I. Tempat tahfiz Al-Quran
 - II. Tempat mengumpul dan menjilid buku
 - III. Tempat penterjemahan karya-karya asing
 - IV. Tempat bimbingan menulis dan membaca
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. I dan IV
 - D. III dan IV

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Murtad iaitu keluar dari agama Islam• Ibu berkelakuan buruk secara keterlaluan• Cuai, zalim dan menganiayai kanak-kanak |
|---|

16. Pernyataan di atas adalah berkaitan dengan
- A. Sebab-sebab gugur hak hadhanah
 - B. Sebab-sebab gugur hak isteri
 - C. Sebab-sebab gugur hak anak
 - D. Sebab-sebab gugur hak wali
17. Mengapakah Khalifah Umar Abdul Aziz dianggap oleh ahli sejarah sebagai khalifah Ar Rasyidin yang kelima?
- A. Sikap beliau yang bengis dan berani seperti Umar Al-Khattab
 - B. Pemerintahannya menyamai pemerintahan Khulafa' Ar-Rasyidin
 - C. Beliau berjaya meningkatkan ekonomi dan sosial pada zamannya
 - D. Beliau mempunyai pertalian nasab dengan Khalifah Umar Al-Khattab

En Mazlan melakukan ibadah korban bagi pihak bapanya yang telah meninggal dunia

18. Hukum korban bagi situasi di atas adalah
- A. Wajib
 - B. Sunat
 - C. Makruh
 - D. Harus

- Mula mengajar pada usia 17 tahun
- Berguru lebih kurang 900 orang guru
- Pernah disebut 100 kali kerana menolak jawatan kadi di Kufah

19. Siapakah tokoh yang dimaksudkan oleh kenyataan di atas?
- A. Imam Syafie Rahimahullah
 - B. Imam Malik Rahimahullah
 - C. Imam Abu Hanifah Rahimahullah
 - D. Imam Ahmad bin Hanbal Rahimahullah
20. Di antara berikut adalah kesalahan yang dikenakan dam Takhyir Takdir
- I. Memotong kuku
 - II. Memakai minyak wangi
 - III. Tidak berwukuf di Arafah
 - IV. Berburu binatang daratan
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. I dan IV
 - D. III dan IV

Soalan 21 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai

21. _____ ialah tempoh masa larangan berkahwin yang wajib dipatuhi oleh isteri selepas berpisah dengan suami.
22. Tawaf ifadhah lebih afdhal dilaksanakan selepas melakukan ibadah _____
23. _____ kenduri atau jamuan yang diadakan untuk meraikan perkahwinan.


Soalan 24 hingga soalan 26 berdasarkan jadual di bawah:
Lengkapkan tempat kosong berkaitan perbezaan antara gadaian Islam dan bukan Islam.

Gadaian Secara Islam	Gadaian Secara Bukan Islam
Tetap menjadi hak pemilik asal	24. _____
25. _____	Nilai barang termasuk faedah
26. _____	Kadar faedah tinggi

27. Hukum membuat tatu pada muka dan badan adalah _____.
28. _____ adalah sebuah institusi utama yang memainkan peranan penting dalam perkembangan ilmu pengetahuan di zaman Abbasiyah.

Soalan 29 hingga **Soalan 30** berdasarkan carta di bawah


Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul




31. _____ ialah memasukkan buah tamar atau buah-buahan lain yang manis ke bahagian atas mulut (lelangit) bayi
32. Imam Al-Bukhari telah berjaya mengumpul _____ hadis dalam Kitab Sahih Bukhari.

Soalan 33 dan Soalan 34 berdasarkan carta di bawah.

Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul



Soalan 35 dan Soalan 36 berdasarkan jadual di bawah.



35. Jawapan yang sesuai di petak X ialah _____.
36. Jawapan yang sesuai di petak Y ialah _____.
37. Wali _____ ialah orang yang berhak mewalikan perkahwinan pada masa tersebut.
38. _____ ialah melakukan sesuatu untuk mendapatkan kepentingan diri sendiri atau memudaratkan orang lain.
39. Talak yang disandarkan kepada sesuatu syarat dikenali sebagai _____.
40. _____ ialah orang yang tidak mematuhi perintah Allah S.W.T. dan rasulnya dengan melakukan dosa besar atau berterusan melakukan dosa kecil.

Bahagian B
[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja daripada bahagian ini.

Soalan 1 dan Soalan 2 wajib dijawab dan pilih **satu** sahaja daripada **Soalan 3** atau **Soalan 4**.

1. (a) Dosa ialah balasan buruk kerana melakukan larangan Allah dan meninggalkan suruhanNya.
 - (i) Nyatakan maksud dosa besar. [2 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** faktor yang mendorong manusia melakukan dosa besar. [4 markah]
 - (iii) Jelaskan **dua** kesan buruk dari perbuatan dosa besar terhadap individu. [4 markah]

- (b) Mazhab Khawarij adalah golongan yang rosak akidah serta bertentangan dengan Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah.
 - (i) Jelaskan maksud golongan Khawarij. [2 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** pegangan golongan Khawarij. [4 markah]
 - (iii) Jelaskan **dua** akibat tidak berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. [4 markah]

2. (a) Firman Allah S.W.T.:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدِينٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ

Ayat di atas menyuruh orang beriman supaya mencatat apabila berhutang.

 - (i) Jelaskan **dua** hikmat diharuskan berhutang. [4 markah]
 - (ii) Terangkan perbezaan antara hutang dengan riba. [6 markah]

- (b) Zihar merupakan amalan masyarakat jahiliyah.
 - (i) Jelaskan maksud zihar. [2 markah]
 - (ii) Senaraikan **dua** rukun zihar. [2 markah]
 - (iii) Terangkan kifaratus zihar mengikut tertib. [6 markah]

3. (a) Setiap orang Islam berkewajipan melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar.
- (i) Terangkan **dua** kebaikan melaksanakan tanggungjawab tersebut terhadap pelajar. [4 markah]
 - (ii) Jelaskan **tiga** cara dakwah Rasulullah S.A.W. yang patut dicontohi oleh pendakwah masa kini. [6 markah]
- (b) Bidang ekonomi dan ilmu pengetahuan sangat diberi keutamaan oleh khalifah-khalifah Bani Umayyah.
- (i) Nyatakan **dua** contoh bidang ilmu yang diterokai selain dari bidang agama. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** infrastruktur yang dibina untuk perkembangan ekonomi. [4 markah]
- (c) Kerajaan Abbasiyah telah menubuhkan dewan Al-Tasnif untuk memantapkan organisasi ketenteraan.
Jelaskan **dua** pasukan tentera yang dibentuk oleh dewan tersebut. [4 markah]
4. (a) (i) Terangkan **dua** adab bermusafir yang disyariatkan dalam Islam. [4markah]
- (ii) Hukum bermusafir berbeza mengikut situasi.
Bilakah hukum itu menjadi wajib sunat dan haram? [6 markah]
- (b)

Syeikh Tahir Jalaluddin telah berusaha membawa pembaharuan dan kesedaran kepada masyarakat Islam di kepulauan Melayu
--
- (i) Nyatakan **dua** sumbangan beliau dalam bidang ilmu. [2 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** sifat peribadi beliau yang boleh dicontohi. [4 markah]
 - (iii) Jelaskan **dua** mesej islah yang dibawa oleh Syeikh Tahir Jalaluddin. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NAMA: _____ NO. MAKTAB: _____

KELAS: _____ GURU: _____

- | | | | | | | |
|----|---|---|---|---|----|-------|
| 1 | A | B | C | D | 21 | _____ |
| 2 | A | B | C | D | 22 | _____ |
| 3 | A | B | C | D | 23 | _____ |
| 4 | A | B | C | D | 24 | _____ |
| 5 | A | B | C | D | 25 | _____ |
| 6 | A | B | C | D | 26 | _____ |
| 7 | A | B | C | D | 27 | _____ |
| 8 | A | B | C | D | 28 | _____ |
| 9 | A | B | C | D | 29 | _____ |
| 10 | A | B | C | D | 30 | _____ |
| 11 | A | B | C | D | 31 | _____ |
| 12 | A | B | C | D | 32 | _____ |
| 13 | A | B | C | D | 33 | _____ |
| 14 | A | B | C | D | 34 | _____ |
| 15 | A | B | C | D | 35 | _____ |
| 16 | A | B | C | D | 36 | _____ |
| 17 | A | B | C | D | 37 | _____ |
| 18 | A | B | C | D | 38 | _____ |
| 19 | A | B | C | D | 39 | _____ |
| 20 | A | B | C | D | 40 | _____ |

